

conference proceeding



**SIMPOSIUM
NU SANTARA 9**

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



FSPU

HADITH-HADITH PUSAKA DALAM *AL-SUNAN AL-SITTAH:* KAJIAN TAKHRIJ HADITH DAN ANALISIS HUKUM.

Amir bin Mohd Nason^a, Dr. Jasni bin Sulong^b, Wan Kamal Nadzif bin Wan Jamil^c.

^{a,b} Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

^c Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia

amrusyam.skti@gmail.com

Abstrak

Takhrij al-hadith merupakan satu proses yang amat penting bagi tujuan menilai sesebuah hadith dan seterusnya mengenalpasti taraf sesebuah hadith. Ini penting bagi memelihara hadith-hadith Nabi SAW. yang merupakan sumber kedua syariat. Dalam penulisan ini, perbincangan tertumpu pada hadith-hadith pusaka yang terdapat dalam *kitab al-Fara'id* dalam *al-Sunan al-Sittah* iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah. Kajian telah menemui sebanyak 164 buah hadith-hadith berkaitan pusaka. Daripada jumlah ini, 114 teks hadith bertaraf sahih, 12 bertaraf *hasan* Sahih, 11 bertaraf *hasan*, 26 adalah *da'if* dan 1 teks adalah *mawdu'*. Bagi tujuan takhrij dan analisis, pengkaji hanya memilih teks hadith yang bertaraf sahih, *hasan sahih* dan *hasan sahaja* iaitu sebanyak 48 teks hadith. Berasaskan jumlah ini, 27 teks hadith dari Sahih al-Bukhari, 2 teks daripada Sahih Muslim, 7 teks bertaraf Sahih, 3 bertaraf *hasan Sahih* dan 3 bertaraf *hasan* daripada Sunan Abi Dawud, 2 teks bertaraf *sahih* dan 1 teks bertaraf *hasan* daripada Sunan al-Tirmidhi, 1 teks bertaraf sahih, 1 teks bertaraf *hasan Sahih* dan 1 teks bertaraf *hasan* daripada Sunan Ibn Majah. Hadith-hadith ini kemudiannya dianalisis dari segi hukum yang berkaitan dengan pusaka berdasarkan hanya kepada *kitab-kitab Syarh al-Hadith*. Aspek-aspek yang dianalisis oleh pengkaji adalah yang berkaitan dengan istilah, hukum, syarat-syarat, *ashab al-furud* dan yang perkara-perkara yang berkaitan dengan pusaka. Justeru, perbentangan kepada dapatan ini amat penting bagi mendapat maklum balas dan menjelaskan hasil penemuan kajian.

Kata kunci : Takhrij ; al-Hadith ; al-Sunan al-Sittah ; Sahih ; Hasan.

Pendahuluan

Pusaka, faraid atau *al-mirath* telah dijelaskan dengan terperinci oleh Allah SWT dalam al-Quran menerusi ayat 7, 11, 12 dan 176 daripada Surah al-Nisa' yang dikenali sebagai ayat *al-mawarith*. Ayat-ayat tersebut telah menjelaskan secara terperinci tentang pusaka dalam Islam termasuklah ahli waris, bahagian-bahagian mereka, dan sebab perwarisan. Selain pernyataan yang jelas tentang hukum dan perkara berkaitan dengan pusaka dalam al-Quran, hadith sebagai sumber syariah yang kedua turut mengemukakan sekian banyak rujukan dan keterangan yang berkaitan dengan harta pusaka dan *faraid*. Ini menggambarkan bahawa pusaka merupakan salah satu perkara dalam syariat yang perlu diberi perhatian yang utama kerana ia melibatkan soal kebijakan dan kesinambungan tanggungan nafkah selepas kematian pewaris.

Pusaka bermaksud sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta benda dan hak-hak yang akan diwarisi oleh ahli-ahli waris disebabkan kematian pewaris. Ada pendapat yang lain menyatakan bahawa pusaka atau *al-mirath* pada istilah ialah perpindahan pemilikan daripada si mati kepada para warisnya yang masih hidup, sama ada yang ditinggalkan itu berbentuk harta alih, harta tak alih ataupun sesuatu hak yang telah ditetapkan oleh syarak.¹ Menurut istilah ilmu faraid, harta pusaka juga dikenali sebagai *al-tarikhah*. Dari segi bahasa,² *al-tarikah* bermaksud segala apa yang ditinggalkan oleh si mati. Manakala definisi *al-tarikhah* dari segi istilah syarak pula berlaku perselisihan dalam menentukan maknanya. Perselisihan tersebut dapat dilihat seperti berikut iaitu menurut jumhur fuqaha' definisi *al-tarikhah* ialah segala sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati termasuklah harta benda, hak-hak

¹ Dr. Wahbah al-Zuhayli (2006), *al-Fiqh al-Islami wa 'Adillatuh*, j. 10, h. 7697.

² Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, h. 430

kebendaan dan hak-hak yang mempunyai unsur kebendaan ke atas hak-hak persendirian seperti wasiat, hutang dan sebagainya.³

Konsep pusaka khususnya daripada aspek pengajian ilmu fiqh dan perundangan sebenarnya telah banyak diperbincangkan oleh para ulama, tokoh-tokoh ilmiah dan pakar-pakar ekonomi Islam samada melalui karya-karya mereka mahupun melalui perbincangan dan pembentangan ilmiah di dalam seminar dan bengkel. Namun kajian khusus berhubung sumber hukum pusaka yang diambil daripada hadith-hadith yang berautoriti belum dilakukan. Justeru kajian yang menyeluruh tentang pusaka berdasarkan hadith-hadith yang terdapat dalam *al-Sunan al-Sittah* sangat perlu untuk dilakukan. Ianya bertujuan untuk memberi kefahaman yang mendalam tentang pusaka, di samping dapat menyelami kehendak *Sunnah Nabawiyah* yang sebenarnya. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk melakukan kajian yang memfokuskan kepada hadith-hadith pusaka daripada aspek kajian *takhrij* dan analisis hukum.

Ilmu Takhrij Hadith

Takhrij menurut pengertian bahasa merupakan kata terbitan bagi perkataan *kharraja*,⁴ yang membawa maksud, “mengeluarkan agar nampak, menzahirkan atau menjelaskan”. Sementara kata *al-ikhraj* boleh dertiakan sebagai membawa maksud *al-Izhar* dan *al-ibratz* yang membawa maksud menjelas, menzahir dan menyatakan kedudukan atau status sesuatu.⁵ Menurut pengertian istilah, *takhrij* bermaksud, “menerangkan sumber asal sesuatu hadith dan sanad-sanadnya, matan-matannya dan darjatnya (kedudukan) berdasarkan keperluan”.⁶ Dalam erti kata lain proses *takhrij* memerlukan seseorang pengkaji menunjukkan tempat keluar hadith tersebut dengan merujuknya kepada sumber asal atau sumber yang menyamai sumber asal, dengan dinyatakan sanad dan dijelaskan kedudukan hadith berkenaan.⁷

Jelasnya, *takhrij* hadith ialah satu bidang ilmu yang bertujuan menyelidik ketulenan segala kata-kata, perbuatan dan perakuan yang dinisbahkan pada Nabi Muhammad SAW.⁸ Sebagai sumber syariah yang kedua selepas al-Quran, kesucian hadith yang merupakan kata-kata, perbuatan dan akuan Nabi Muhammad SAW amat dititikberatkan. Kesucian dan ketulenan hukum-hakam yang dipetik dan disandarkan pada Rasulullah SAW amat bergantung kepada ketepatan sumber dan riwayat sama ada ia adalah sumber yang *marfu'*⁹ atau sekadar terhenti pada riwayat sahabat r.a (*mawquf*).¹⁰ Dalam kalangan generasi awal Islam, setiap perkhabaran yang didakwa sebagai hadith pasti akan diteliti dan dianalisis daripada sudut ketulenan sebelum ianya diterima dan disandarkan kepada Nabi SAW.

Dalam cabang ilmu hadith, kaedah penerimaan dan penyampaian hadith dinamakan sebagai kaedah sanad. Sanad bererti rangkaian perawi yang meriwayatkan atau menerima sesuatu hadith daripada perawi yang lain sehingga ia sampai kepada Nabi SAW.¹¹ Perawi-perawi ini dijadikan kayu ukur atau sebab utama sama ada sesuatu hadith itu diterima atau ditolak. Perawi-perawi yang ‘bersih’ daripada sebarang tohmahan akan dikategorikan sebagai perawi yang *thiqah* dan hadith yang diriwayatkannya diberi taraf sebagai hadith yang sahih.

Terdapat beberapa kaedah atau metod yang telah disusun dan digariskan oleh para ulama’ hadith dalam menjalankan proses *takhrij* terhadap hadith Nabi SAW. Secara umumnya, terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam kajian *takhrij* hadith Nabi, antaranya;¹²

- Amalan *takhrij* hadith berdasarkan nama sahabat, iaitu pengkaji hendaklah mengenalpasti nama sahabat atau *al-Rawi al-A'ala* dalam sesuatu hadith.
- Amalan *takhrij* hadith berdasarkan *matan* hadith.

³ *Op. Cit* h. 7697

⁴ Ibn Manzur (t.t), *Lisan al-'Arab*, h. 1127, Kaherah : Dar al-Ma'arif.

⁵ *Al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*, h. 4.

⁶ *Al-Turuq Al-'Ilmiyyah fi Takhrij Al-Ahadiyah Al-Nabawiyah*, h. 6.

⁷ *Ibid.*, h. 6-7.

⁸ Al-Suyuti, ‘Abd al-Rahman (2000), *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*, h. 14. Beirut : Dar al-Fikr.

⁹ *Marfu'* ialah hadith-hadith yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. Lihat : al-Imam Abu 'Amru Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Syahruzi (2006), *'Ulum al-Hadith li Ibn al-Salah*, Cet. 12, h. 45.

¹⁰ *Mawquf* ialah hadith-hadith yang disandarkan kepada sahabat. Lihat : *Ibid.* h. 46.

¹¹ Dr. Nur al-Din 'Itr (1996), *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, h. 344, Damascus : Dar al-Fikr

¹² Mahmud al-Tahhan, *'Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*, h. 37.

Takhrij Hadith dan Hukum Berkaitan Pusaka

Kajian ini melakukan kaedah takhrij sebagaimana dibincangkan di atas ke atas hadith-hadith pusaka yang terkandung dalam *al-Sunan al-Sittah* iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah. Berdasarkan keseluruhan hadith yang berkaitan dengan pusaka yang ditemui di dalam *al-Sunan al-Sittah*, iaitu sebanyak 164 buah hadith, fokus penelitian adalah berdasarkan skop berikut:

- Mengutamakan matan hadith-hadith yang dikemukakan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim dalam *Kitab al-Fara'id* sekiranya ada persamaan matan dari Imam-Imam yang lain di bawah tajuk atau kitab yang berkaitan dengan pusaka.
- Tidak memasukkan hadith-hadith da'if selepas saringan hadith.

Hadith Pensyariatan Pusaka.

Dalil pensyariatan pusaka di dalam Islam telah dijelaskan oleh hadith Jabir r.a. sebagaimana berikut :

“Kata Jabir bin ‘Abd Allah : Ya Rasulullah, bagaimanakah aku hendak lakukan terhadap hartaku, bagaimana ingin aku putuskan terhadap hartaku. Nabi SAW tidak menjawab soalanku itu sehingga turunnya ayat al-Mawarith”.¹³

Hadith ini menyatakan tentang pembahagian harta pusaka atau *fara'id* di dalam Islam. Allah s.w.t sendiri telah menerangkan hal yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka di dalam al-Quran dengan sejelasnya. Ibn Hajar menjelaskan, Jabir mengatakan bahawa Nabi s.a.w tidak pun menjawab pertanyaannya berkaitan cara pembahagian harta sehingga turutnya ayat yang berkaitan dengannya. Ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. tidak berijtihad dalam hal pusaka, bahkan Nabi s.a.w. menunggu wahu daripada Allah.¹⁴

Hadith ini Sahih sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam kitab Sahih mereka. Hadith ini turut diriwayatkan oleh setiap imam dalam *sunan al-Sittah*. Al-Tirmidhi menyatakan bahawa hadith ini *hasan saihih*.¹⁵

Hadith Sebab-Sebab Pewarisan

1. Nasab

“Anak adalah kepunyaan orang yang mempunyai tikar tempat tidur dan orang yang berzina itu direjam dengan batu.”¹⁶

Hadith ini menjelaskan tentang anak yang lahir dari hamba atau *amah* yang dimiliki oleh seorang tuan. Kisah panjang dalam hadith ini menceritakan bagaimana ‘Utbah meminta saudaranya, Sa’ad untuk menuntut hak anak yang dikatakan anak itu adalah darinya, yakni ‘Utbah. Sedang ‘Abd bin Zam’ah mengaku bahawa anak itu adalah saudaranya dan dia lahir atas ‘katilnya’. Maka Nabi SAW memutuskan bahawa anak itu untuk ‘Abd bin Zam’ah. Pensabitan seseorang anak kepada bapanya amat penting kerana ia akan turut melibatkan soal pewarisan. Ini kerana anak yang lahir melalui penzinaan tidak boleh dinisbahkan kepada bapa zinanya. Hadith ini saihih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam Sahihnya. Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn Majah turut meriwayatkan hadith ini dalam sunan mereka.

“Mana-mana lelaki yang telah melakukan zina dengan seorang wanita samada wanita itu seorang yang merdeka atau dari kalangan hamba, maka anak itu adalah anak zina dan anak zina tidak akan mewarisi dan tidak akan mewariskan.”¹⁷

¹³ Imam Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Fara'id*, Bab Qawl Allah Ta'alai Yusikum Allah fi Awladikum li al-Zakar, h. 1284, No. 6723

¹⁴ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j.12, h.7. Lihat juga al-Nawawi (1997), *Syarh al-Nawawi*, j.3, h. 1668.

¹⁵ Al-Tirmidhi, h. 473.

¹⁶ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Fara'id*, Bab al-Walad li al-Firasy Hurrah Kanat 'aw 'Amat, h. 1288, No. 6749.

Hadith ini dengan jelas menyatakan bahawa anak zina tidak akan mewarisi kerana pewarisan harta ini hanya bagi mereka yang memiliki nasab dan anak zina tidak mempunyai nasab dengan lelaki penzina. Begitu juga dengan si penzina, dia juga tidak boleh mewarisi apa-apa dari anak ini, mahupun dari ahli keluarganya¹⁸. Penzinaan merupakan salah satu sebab penghalang kepada pewarisan harta pusaka khususnya daripada bapa¹⁹. Hadith yang dikemukakan oleh al-Tirmidhi ini dinilai sebagai sahih.²⁰ Ia turut dikemukakan oleh Ibn Majah dan dinilai sebagai *hasan*.²¹

Hadith Kesaksian Nasab (al-Qa'if)

Dari 'A'isyah r.a katanya, bahawa Rasulullah SAW masuk kepadanya dengan berseri-seri wajahnya sambil bersabda : "Adakah kamu mengerti bahawa Mujazziz – pengesan nasab - baru saja melewati Zayd bin Harithah dan 'Usamah bin Zayd lalu dia berkata : Telapak kaki ini sebahagiannya dari sebahagian yang lain (dari keturunan yang sama)."²²

Berkata Abu Dawud : "Pada zaman jahiliyyah, berlaku satu pertuduhan terhadap nasab 'Usamah bin Zayd hanya kerana 'Usamah dilahirkan dengan warna kulit yang amat hitam sedangkan bapanya Zayd adalah seorang yang berkulit putih seperti kapas. Apabila seorang *al-q'aif* - pengesan nasab - datang untuk bertemu dengan Nabi SAW dan melihat kepada 'Usamat dan Zayd yang ketika itu sedang menutup bahagian muka mereka dan menampakkan bahagian kaki mereka sahaja. Lantas *al-q'aif* atau disebut sebagai *mujazziz* terus berkata bahawa kedua-dua kaki ini adalah milik keturunan yang sama. Maka Nabi SAW pun gembira dengan keadaan itu. Hadith ini menjelaskan bahawa penyaksian (adanya saksi) terhadap sesuatu nasab atau keturunan adalah dibolehkan dan diterima oleh syarak. Ini kerana penentuan nasab amat penting terutamanya bagi kes pewarisan harta pusaka kerana nasab merupakan di antara salah satu sebab-sebab pusaka. Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam sahihnya.

Hadith al-Wala'

"Sesungguhnya wala' itu bagi mereka yang memerdekaan hambanya."²³

Hadith ini menjelaskan bahawa apabila seseorang hamba itu yang dimerdekaan oleh tuannya maka selamanya tanggungjawab terhadap hamba yang merdeka masih di bawah tanggungan tuan yang memerdekaan hamba tersebut. Al-Wala' umpsama nasab, kerana itu ia menjadi salah satu sebab pusaka. Ini bermakna hubungan antara tuan dengan hamba yang dimerdekaan itu masih berterusan umpsama hubungan kekeluargaan dan mereka akan saling mewarisi antara satu sama lain²⁴. Ibn Battal menjelaskan bahawa, hak al-wala' ke atas hamba merdeka tidak hanya terhad kepada lelaki bahkan wanita yang memerdekaan hamba juga mempunyai hak yang sama seperti lelaki termasuk pada bab pewarisan harta²⁵. Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam sahihnya. Ia turut diriwayatkan oleh Imam Abi Dawud dan al-Nasa'i dalam sunan mereka.

Dalam hadith yang lain, diriwayatkan;

"Bahawa Tamim al-Dari r.a. pernah berkata, "Wahai Rasulullah, apakah hukum secara sunnah bagi seseorang yang memeluk Islam di tangan seorang muslim?" Nabi SAW. bersabda : "Dialah orang yang paling baik dan paling utama bagi orang itu (yang memeluk Islam) pada masa hidup dan matinya."²⁶

¹⁷ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, *Kitab al-Faraaid*, *Bab ma Ja'a fi Ibtal Mirath Walad al-Zina*, h.477, No. 2113.

¹⁸ Al-Mubarakfuri (2003), *Tuhfa al-'Ahwadhi*, j. 6, h. 245-246. Lihat juga 'Abd al-Karim Zaydan (2000), *al-Mufassal*, j.11, h. 403.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Sunan al-Tirmidhi, h.477

²¹ Ibn Majah, h. 466.

²² al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* , *Kitab al-Faraaid*, *bab al-Qa'if*, h. 1291, No. 6770.

²³ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* , *Kitab al-Faraaid*, *bab al-Wala' li man 'A'taq wa Mirath al-Laquit*, h. 1289, No. 6751, 6752 dan h.1290, No. 6758, 6760.

²⁴ Al-'Azim Abadi (2001), 'Awn al-Ma'bud, j. 5, h. 320.

²⁵ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 58.

²⁶ Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud* , *Kitab al-Faraaid*, *bab fi al-Rajul Yuslim 'ala Yaday al-Rajul*, h.519, No. 2918.

Hadith ini turut mempunyai kaitan dengan bab al-wala' ini iaitu pada bab yang membicarakan perihal seseorang yang memeluk Islam ditangan seorang muslim. Al-Hasan al-Basri berpendapat bahawa tidak ada *wilayah* ke atas orang yang memeluk Islam bagi sesiapa yang mengislamkan orang tersebut²⁷. Al-Khitabi menyatakan bahawa, hadith ini menjadi hujah kepada kumpulan ulama yang berpendapat bahawa sesiapa yang telah mengislamkan seseorang maka dia layak untuk menerima harta pusaka orang yang memeluk Islam ditangannya itu dengan dua syarat iaitu mesti ada perjanjian dan al-wala'²⁸. Hadith ini dinilai sebagai *hasan sahih*.²⁹ Ibn Hajar menjelaskan bahawa, hadith ini yang dikemukakan oleh al-Bukhari merupakan hadith *mu'allaq*.³⁰

Dalam hadith yang lain, kata Nabi SAW :

"Sesungguhnya ahl al-Islam tidak memutuskan hubungan dengan hambanya yang dimerdekaan dan sesungguhnya masyarakat jahiliyyah memutuskan hubungan dengan hambanya yang dimerdekaan."³¹

Al-Sa'ibah ialah satu perjanjian atau pernyataan yang dibuat antara seorang hamba dengan tuannya. Contohnya, berkata tuan kepada hambanya : Tidak ada wala' bagi sesiapa pun ke atas kamu atau kamu *sa'ibah* yang bermaksud bahawa hamba itu dimerdekaan dan tidak ada wala' atau penguasaan ke atasnya selain dari bekas tuannya³². Ibn Mas'ud menyatakan dalam hadith ini bahawa adalah masyarakat jahiliyyah dulu sebelum datangnya Islam, apabila mereka memerdekaan seseorang hamba, mereka akan menyerahkan hak wala' ke atas hamba itu kepada orang lain. Dengan kedatangan Islam, perkara ini diubah dan tidak dibenarkan lagi kepada sesiapa untuk menyerahkan hak wala' seseorang hamba yang dimerdekaannya kepada orang lain.³³ Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam sahihnya. Hadith ini hanya ditemui pada Sahih al-Bukhari.

Ini bertepatan dengan sebuah hadith Nabi SAW :

"Telah menegah Nabi SAW dari menjual al-Wala' dan dari menghibahkannya."³⁴

Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam sahihnya. Ia turut diriwayat oleh al-Tirmidhi dan al-Nasa'i dalam sunannya. Al-Albani turut menilai sanad al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah sebagai sahih.³⁵

Hadith Berhubung Halangan Pewarisan

1. Pembunuhan

Terdapat 1 teks hadith dari Nabi SAW yang menyebut dengan jelas bahawa seorang pembunuhan itu tidak akan mewarisi dari orang yang dibunuhnya.

"Pembunuhan itu tidak akan mewarisi"³⁶

Hadith ini menjadi dalil seperti yang disepakati ulama bahawa pembunuhan itu menyebabkan seseorang itu hilang kelayakan untuk mewarisi harta pusaka si mati (akibat dibunuh) sama ada pembunuhan itu secara sengaja mahupun tidak. Demikian seperti yang disepakati oleh al-Syafie, Abu Hanifah dan sahabatnya. Mereka berpendapat bahawa pembunuhan tidak akan mewarisi daripada harta dan juga daripada diyat. Imam Malik dan lain-lain menegaskan bahawa pembunuhan akan mewarisi daripada harta dan tidak daripada diyat sekiranya pembunuhan berlaku secara tidak sengaja.³⁷ Hadith ini dinilai sebagai tidak sahih oleh al-Tirmidhi³⁸ kerana pada rantaian sanad hadith ini

²⁷ Ibid, h. 55.

²⁸ Al-'Azim Abadi (2001), 'Awn al-Ma'bud, j.5, h.323.

²⁹ Abu Dawud, h.519. Al-Tirmidhi, h. 476. Ibn Majah, h. 467.

³⁰ Ibn Hajar (1995), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 70.

³¹ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Faraaid, Bab Mirath al-Sa'ibah*, h. 1289, No. 6753.

³² Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 50.

³³ Ibid.

³⁴ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Faraaid, bab 'Ithm man Tabarra'a min Mawalihi*, h. 1289, No. 6756.

³⁵ Al-Tirmidhi, h. 294, 480. Al-Nasa'i, h. 710. Ibn Majah, h. 467.

³⁶ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, *Kitab al-Faraaid, Bab ma Ja'a fi Ibtal Mirath al-Qatil*, h.476, No. 2109.

³⁷ Al-Mubarakfuri, *Tuhfat al-'Ahwadhi*, j.6, h. 240.

³⁸ *Mawsu'at al-Hadith al-Syarif* : *al-Kutub al-Sittah*, h. 1862, Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'.

terdapat seorang perawi yang dihukum *da'if* iaitu 'Ishaq bin 'Abd Allah bin 'Abi Farwāt.³⁹ Namun al-Albani menilai hadith ini sebagai sahih.⁴⁰

2. Berlainan Agama

Jumhur bersepakat bahawa perbezaan agama antara si mati dan waris akan menyebabkan waris itu hilang kelayakan untuk mendapatkan harta pusaka si mati. Ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Baginda Rasulullah SAW melalui hadithnya :

"Tidak akan mewarisi seorang muslim itu dari orang kafir dan orang kafir itu tidak akan mewarisi dari seorang muslim."⁴¹

Dan hadith ini :

"Tidak saling mewarisi bagi ahli kepada dua agama"⁴²

Berhubung pembahagian pusaka antara Islam dan kafir, Al-Qastallani⁴³ berkata, apabila seorang kafir itu memeluk Islam sebelum dibahagikan harta peninggalan yang ditinggalkan oleh bapa atau saudara kandungnya yang Islam maka dia tidak akan mendapat bahagiannya itu, kerana yang diambilkira oleh jumhur ialah saat kematian dan bukannya saat pembahagian. Begitu juga dengan pendapat Ibn al-Mundhir⁴⁴. Diriwayatkan bahawa Muadh, Sa'id ibn al-Musayyib, Masruq dan lain-lain⁴⁵ pernah memutuskan bahawa seseorang muslim itu akan mewarisi dari yang kafir dan tidak sebaliknya. Mereka berhujjah dengan apa yang didengarnya dari Nabi SAW: "Islam itu tinggi dan ada yang lebih tinggi darinya". Mu'awiyah⁴⁶ juga pernah diriwayatkan dengan berkata : "Kita mewarisi dari *ahl al-kitab* dan mereka tidak akan mewarisi dari kita."

Hadith "tidak akan mewarisi seorang muslim itu.." adalah sahih. Ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim dalam kitab sahihnya. Hadith ini turut diriwayatkan oleh Imam Abi Dawud dan Imam al-Tirmidhi dalam kitab sunan mereka. Al-Tirmidhi menyatakan bahawa hadith ini *hasan saih*⁴⁷. Manakala hadith "tidak saling mewarisi.." dinilai oleh al-Albani sebagai sahih pada riwayat al-Tirmidhi⁴⁸ dan pada riwayat Abi Dawud dan Ibn Majah dinilai sebagai *hasan saih*⁴⁹.

Hadith Pusaka Rasulullah SAW.

Terdapat 2 buah teks hadith yang membicarakan tentang pusaka Rasulullah SAW:

"Kami (nabi) tidak meninggalkan pusaka, hanya harta yang kami tinggalkan itu adalah sedekah (harta awam). Adapun keluarga Muhammad SAW hanya memakan hasil dari harta itu."⁵⁰

Hadith ini membicarakan tentang persoalan adakah Rasulullah SAW meninggalkan harta pusaka buat warisnya? Ibn Hajar menjelaskan berdasarkan riwayat dari 'Urwah bahawa Nabi SAW tidak meninggalkan sebarang harta untuk diwariskan, dan ahli keluarga Baginda SAW akan memakan dari harta peninggalan itu sekadar keperluan mereka⁵¹.

³⁹ Ishaq bin 'Abd Allah bin Abi Farwāt sememangnya dikenali sebagai seorang perawi yang *matruk* dan diakui sebagai tidak *thiqat*. Lihat : al-Mizzi (1983), *Tahdhib al-Kamal*, j. 2, h. 446.

⁴⁰ Al-Tirmidhi, h. 476. Ibn Majah, h. 465.

⁴¹ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Fara'id*, *Bab La Yarith al-Muslim al-Kafir wa La al-Kafir al-Muslim*, h. 1290, No. 6764.

⁴² Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, *Kitab al-Fara'id*, *Bab Hal Yarith al-Muslim al-Kafir*, h.518, No. 2911.

⁴³ Azim 'Abadi, 'Awn al-Ma'bud, j.5, h. 319.

⁴⁴ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 61.

⁴⁵ Al-Nawawi (1997), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, j. 3, h. 1665.

⁴⁶ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 61.

⁴⁷ Al-Albani, Muhammad Nasr al-Din (1979), *Irwa' al-Ghalil fi Takhrij 'Ahadith Manar al-Sabil*, j. 6, h. 120.

⁴⁸ Al-Tirmidhi, h. 476.

⁴⁹ Abu Dawud, h. 518. Ibn Majah, h. 464.

⁵⁰ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Fara'id*, *Bab Qawl al-Nabiy SjallalLah 'Alayh wa Sallam la Nurith ma Tarakna Sadqah*, h. 1284, No. 6725, 6726, 6727 dan 6730.

⁵¹ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 10. Lihat juga al-Azim Abadi, j. 5, h. 358. Al-Mubarakfuri, j. 5, h. 185.

Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam sahihnya disamping riwayat Abi Dawud. Sanad Abi Dawud bagi hadith No. 2969 telah bertemu dengan sanad al-Bukhari pada Ibn Syihab al-Zuhri, manakala sanad Abi Dawud bagi hadith No. 2968 pula bertemu dengan sanad Muslim juga pada Ibn Syihab. Al-Albani menilai sanad-sanad ini sebagai sahih.⁵²

"Warisku tidak membahagi pusaka peninggalanku walau satu dinar melainkan apa yang aku tinggalkan setelah selesai perbelanjaan (nafkah) isteri-isteriku dan belanja pembantu-pembantuku maka semuanya adalah sedekah (harta awam)"⁵³

Hadith ini menjelaskan bahawa ahli keluarga Rasulullah SAW hanya mewarisi segala keperluan asas sebagai isteri dan pembantu seperti rumah dan kelengkapan harian.⁵⁴

Hikmah yang dapat diambil dari apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah bahawa beliau tidak meninggalkan sebarang harta untuk diwarisi ialah supaya orang lain tidak menganggap bahawa kehadiran Nabi SAW yang diamanahkan Allah untuk mengajak manusia supaya beriman denganNya itu turut dikaitkan dengan pengumpulan harta dan kekayaan.⁵⁵

Sanad hadith ini yang diriwayatkan oleh Muslim dan Abi Dawud telah bertemu dengan sanad yang diriwayatkan al-Bukhari pada Malik bin 'Anas. Hadith ini dinilai sahih. Al-Albani turut menilai sanad yang diriwayat oleh Abi Dawud sebagai sahih.⁵⁶

Hadith Berhubung Hak *Ashab al-Furud*

1. Pusaka kepada waris dan keutamaan waris lelaki.

"Berikanlah harta pusaka (al-Faraid) kepada yang berhak, maka apa-apa yang tinggal (berbaki) itu untuk lelaki yang paling dekat (kepada si mati)".⁵⁷

Ibn Hajar⁵⁸ menjelaskan bahawa, yang dimaksudkan dengan *al-fara'id* itu ialah pembahagian pusaka yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam al-Quran adalah seperti berikut : seperdua (1/2) seperempat (1/4) seperlapuan (1/8) dua pertiga (2/3) sepertiga (1/3) dan seperenam (1/6). Turut dijelaskan makna 'Yang lebih berhak' itu adalah lelaki yang lebih dekat dengan si mati dalam kalangan '*asabah*' dan tidak membawa maksud '*ahaqq*' atau lebih berhak. Ibn Battal menyatakan bahawa : yang dimaksudkan dengan *awla al-rajul* ialah lelaki-lelaki dari kalangan '*asabah*' selepas *ashab al-furud* (terdapat juga mereka dari kalangan *ashab al-furud* turut berada dalam senarai '*asabah*' seperti datuk dan lain-lain). Ibn al-Tin pula menyatakan bahawa apa yang dimaksudkan di sini ialah ibu saudara sebelah bapa bersama bapa saudara sebelah bapa dan anak saudara perempuan bersama anak saudara lelaki dan sepupu perempuan bersama sepupu lelaki.

Hadith ini turut menjelaskan bahawa anak-anak lelaki akan mewarisi harta peninggalan sama ada dari bapa atau ibu dengan sebagai '*asabah*'. Begitu juga dengan bahagian pusaka bagi cucu lelaki (dari anak lelaki) yang juga akan mewarisi harta secara '*asabah*' apabila anak lelaki tiada.⁵⁹ Hadith ini dinilai sahih. Ia diriwayatkan al-Bukhari dan Muslim dalam sahihnya. Sanad Muslim dan al-Tirmidhi bertemu dengan sanad al-Bukhari pada perawi yang bernama Wuhayb. Al-Albani turut menilai sanad al-Tirmidhi sebagai sahih.⁶⁰

Dalam riwayat yang lain,

"Dari al-'Aswad bin Yazid katanya, telah datang kepada kami Mu'adh bin Jabal di Yaman sebagai guru dan wali (gabenor), maka bertanya kepadanya tentang hal seorang lelaki yang wafat dan meninggalkan seorang anak perempuan dan seorang saudara

⁵² Abu Dawud, h. 530

⁵³ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Fara'id*, *Bab Qawl al-Nabiy SallalLah 'Alayh wa Sallam la Nurith ma Tarakna Sadaqah*, h. 1285, No. 6729.

⁵⁴ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 11.

⁵⁵ Ibid, h. 12.

⁵⁶ Abu Dawud, h. 530.

⁵⁷ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Fara'id*, *Bab Mirath al-Walad min Abih wa Ummih*, h. 1286, No. 6732.

⁵⁸ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 15.

⁵⁹ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j.12, h. 21.

⁶⁰ Al-Tirmidhi, h. 473.

kandung perempuan. Maka Mu'adh memutuskan agar anak perempuan itu mendapat setengah bahagian dan saudara kandung perempuan itu mendapat sebahagian lagi (dari harta peninggalan lelaki tersebut)”.⁶¹

Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Abu Dawud dan sanad mereka bertemu al-'Aswad bin Yazid. Al-Albani menilai sanad ini sebagai sahih.⁶²

Dijelaskan bahawa bahagian pusaka bagi saudara perempuan iaitu secara ‘asabah apabila ada bersamanya anak perempuan yang menerima seperdua dari bahagian yang *fard* kepadanya. Ini dijelaskan oleh Ibn Battal bahawa sekiranya si mati itu tidak meninggalkan melainkan hanya seorang anak perempuan dan seorang saudara perempuan maka anak perempuan itu mewarisi seperdua dan saudara perempuan pula mewarisi seperdua yang baki. Sekiranya si mati meninggalkan dua orang anak perempuan atau lebih maka anak perempuan akan menerima dua pertiga dari harta pusaka dan bakinya untuk saudara perempuan. Ini kerana telah disepakati bahawa anak perempuan tidak akan mendapat bahagian yang lebih dari dua pertiga sebagaimana yang ditunjukkan dalam hadith di bawah ini.⁶³

“Bagi anak perempuan seperdua dan bagi cucu perempuan (dari anak lelaki) seperenam bagi menyempurnakan dua pertiga dan apa yang berbaki itu bagi saudara perempuan.”⁶⁴

Hadith ini turut menunjukkan bahawa bahagian pusaka cucu perempuan (dari anak lelaki) iaitu seperenam apabila ada bersamanya anak perempuan yang menerima seperdua bagi menyempurnakan dua pertiga dari pusaka⁶⁵.

Hadith ini adalah Sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam sahihnya. Begitu juga dengan Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah dalam sunan mereka dan bertemu dengan sanad riwayat al-Bukhari pada Abi Qays al-'Audi.

2. Pusaka anak perempuan, cucu perempuan dan saudara perempuan.

“Rasulullah bersabda : “Panggilkan wanita itu dan sahabatnya” dan Nabi SAW pun bersabda kepada bapa saudara itu : “Berikan dua pertiga kepada kedua anak perempuan ini dan seperlapan kepada ibu mereka, dan apa-apa lebih dari pembahagian itu adalah milik kamu.”⁶⁶

Hadith ini menjelaskan tentang bahagian yang layak untuk diwarisi oleh waris perempuan iaitu mereka akan mendapat seperdua jika berseorangan dan mendapat dua pertiga jika jumlahnya dua orang atau lebih serta tiada bersama mereka anak lelaki yang mentaksibkannya. Sanad hadith ini yang diriwayatkan oleh Abi Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah dalam sunan mereka telah bertemu pada perawi, ‘Abd Allah bin Muhammad bin ‘Aqil. Al-Albani menilai hadith ini sebagai *hasan*.⁶⁷

3. Pusaka datuk bersama ayah dan saudara lelaki.

“Kalaulah aku dibenarkan untuk memilih seorang kekasih dari kalangan umat ini nescaya aku akan memilihnya – Abu Bakar – sebagai kekasih. Akan tetapi Islam sebagai kekasih itu lebih afdal atau lebih baik. Sesungguhnya Abu Bakar telah menjadikan datuk itu pada kedudukan bapa bagi hal harta pusaka.”⁶⁸

Hadith ini sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam sahihnya. Begitu juga dengan riwayat Muslim dan al-Tirmidhi. Namun kesemua sanad mereka tidak bertemu dengan sanad al-Bukhari pada hadith riwayat Ibn ‘Abbas r.a. ini manakala sanad Muslim hanya bertemu dengan sanad al-Bukhari pada hadith riwayat Ibn al-Zubayr r.a. pada Ibn Mulaykat.

⁶¹ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* pada *Kitab al-Fara'id, Bab Mirath al-Banat*, h.1286, No.6734

⁶² Abu Dawud, h. 514.

⁶³ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 31.

⁶⁴ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* pada *Kitab al-Fara'id, Bab Mirath Ibnat Ibn ma'a Ibnat*, h.1286, No.6736.

⁶⁵ Ibid. Lihat juga al-Mubarakfuri (2003), *Tuhfat al-'Ahwadhi*, j. 6, h. 221. Al-Azim Abadi (2001), *'Awn al-Ma'bud*, j. 5, h. 301.

⁶⁶ Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud, Kitab al-Faraaid, bab ma Ja'a fi Mirath al-Sulb*, h.514, No. 2891, 2892.

⁶⁷ Abu Dawud, h. 514.

⁶⁸ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* pada *Kitab al-Fara'id, Bab Mirath al-Jadd Ma'a al-Ab wa al-Ikhwat*, h.1287, No.6738.

Ibn Hajar ketika mensyarah hadith ini di dalam kitabnya *Fath al-Bari* mengatakan bahawa bahagian pusaka untuk datuk iaitu sama seperti yang diterima oleh bapa.⁶⁹ Para sahabat seperti Ibn ‘Abbas dan Ibn al-Zubayr telah bersepakat untuk bersetuju dengan apa yang diputuskan oleh Abu Bakar r.a. iaitu meletakkan kedudukan datuk seperti kedudukan bapa pada pembahagian harta pusaka.⁷⁰ Manakala ‘Umar, ‘Ali, Ibn Mas’ud dan Zayd bin Thabit pula berpendapat bahawa datuk umpama saudara lelaki.⁷¹

4. Bahagian pusaka suami, isteri, ibu bapa, anak lelaki dan anak perempuan.

“Ibn ‘Abbas r.a. telah berkata : Adalah harta itu sebenarnya bagi anak-anak dan adalah wasiat itu sebenarnya bagi kedua ibu bapa, maka Allah SWT telah menasakhkan yang demikian itu dengan apa yang lebih disukai. Maka Dia menjadikan bahagian lelaki itu seperti dua bahagian bagi perempuan, dan Dia menjadikan bagi kedua ibu bapa itu setiap seorangnya mendapat seperenam dan menjadikan bagi wanita itu (isteri) seperlapuan dan seperempat serta bagi lelaki itu (suami) seperdua dan seperempat.”⁷²

Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayatkan al-Bukhari dalam sahihnya. Ia menyatakan tentang bahagian pusaka suami apabila isteri meninggal dunia dan meninggalkan bersama suami tersebut anak-anak sama ada lelaki mahupun perempuan. Ibn ‘Abbas r.a. menyatakan dalam hadith ini bahawa pada awal Islam harta pusaka si mati hanya untuk anak-anak dan yang layak bagi ibu bapa itu hanyalah dalam bentuk wasiat, bukannya pusaka. Apabila turunnya ayat pusaka dari Surah al-Nisa’ ayat 11 yang berkaitan dengan bahagian pusaka anak-anak sama ada lelaki atau perempuan, maka pemilikan secara wasiat bagi ibu bapa itu telah dinasakh dan bertukar menjadi pemilikan secara pusaka.

Turut dijelaskan dalam hadith ini bahawa bagi setiap seorang ibu dan bapa itu seperenam dan bagi isteri itu seperlapuan sekiranya ada bersamanya anak-anak dan seperempat sekiranya tidak ada bersamanya anak. Manakala suami akan menerima seperdua jika tidak ada bersamanya anak dan seperempat sekiranya ada bersamanya anak.⁷³

Diriwayatkan melalui Qatadah bahawa sebahagian ulama berpendapat, bapa akan menghalang saudara lelaki daripada mewarisi dan akan mengambil kesemua bahagian pusaka kerana bapa merupakan wali yang bertanggungjawab terhadap nafkah dan urusan pernikahan anak-anaknya.⁷⁴

“Bahawa Rasulullah SAW pernah memutuskan tentang kandungan seorang wanita dari qabilah Bani Lihyan yang telah jatuh dalam keadaan sudah pun meninggal dunia dengan wang tebusan – pampasan – seharga hamba sahaya lelaki atau perempuan. Kemudian itu, wanita yang diputuskan untuk membayar wang pampasan sekadar harga hamba itu pula meninggal dunia. Maka Nabi SAW pun memutuskan bahawa harta pusakanya itu bagi anak-anak dan suami sedang wang pampasan itu bagi diserah kepada keluarga ‘asabahnya.’⁷⁵

Dijelaskan di dalam hadith ini bahawa Rasulullah SAW telah memutuskan tentang kelayakan untuk menerima pusaka apabila matinya seorang isteri maka harta pusaka akan diterima oleh suami dan anak-anak. Demikian juga sekiranya yang mati itu adalah bapa maka yang akan mewarisi harta suami atau bapa itu adalah ibu bersama anak-anaknya.⁷⁶

Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam sahihnya. Hadith ini turut diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi dan al-Nasa’i dalam sunannya. Al-Albani turut menilai sanad al-Tirmidhi dan al-Nasa’i sebagai sahih.⁷⁷

⁶⁹ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 24.

⁷⁰ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j.12, h. 25.

⁷¹ Al-Darimi, Abu Muhammad Abd Allah bin Abd al-Rahman bin al-Fadl bin Bahram (2000), *Musnad al-Darimi*, Cet. 1, j. 4, h. 2957, No. 1915, Saudi Arabi : Dar al-Mughni li al-Nasyr wa al-Tawzi’.

⁷² al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* pada *Kitab al-Fara’id*, Bab Mirath al-Zawj ma’a al-Walad wa Ghayrih, h. 1287, No. 6739.

⁷³ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 29-30.

⁷⁴ Ibid.

⁷⁵ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* pada *Kitab al-Fara’id*, bab Mirath al-Mar’at wa al-Zawj ma’a al-Walad wa Ghayrih, h.1287, No. 6740.

⁷⁶ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 30.

⁷⁷ Al-Tirmidhi, h. 476.

Kesemua imam yang meriwayatkan hadith ini telah berkongsi rantaian sanad daripada Qutaybat, telah menceritakan kepada kami al-Layth, daripada Ibn Syihab, daripada Ibn al-Musayyib, daripada Abi Hurayrat r.a. Hadith ini turut diriwayatkan melalui Malik, daripada Ibn Syihab, daripada Ibn al-Musayyib, daripada Nabi SAW.

5. Dhawi al-'Arham

"Dari Ibn 'Abbas r.a : {Dan untuk masing-masing (lelaki dan perempuan) Kami telah tetapkan sebagai waris}⁷⁸ {Dan orang yang kamu telah bersumpah setia dengan mereka}⁷⁹ Katanya : Adalah Kaum Muhajirin tatkala mereka tiba di Madinah, Kaum 'Ansar telah memberi harta pusaka kepada mereka sekali pun tanpa ikatan dhawi al-'Arham, bagi persaudaraan yang telah dibina oleh Nabi s.a.w. dalam kalangan mereka. Apabila turunnya ayat : {Dan untuk masing-masing (lelaki dan perempuan) Kami telah tetapkan sebagai waris} katanya ia telah menasakhkan : {Dan orang yang kamu telah bersumpah setia dengan mereka}⁸⁰

Hadith ini cuba untuk menjelaskan persoalan tentang kedudukan dhawi al-'Arham⁸¹ dalam permasalahan pembahagian harta pusaka. Hadith ini yang diriwayatkan dari Ibn 'Abbas ini telah menjelaskan bahawa adalah dulu ketika *muhajirin* mula sampai ke Madinah dan disambut oleh '*ansar*, Nabi SAW telah mempersaudarakan mereka sehingga muhajirin dan ansar saling mewarisi harta pusaka sekalipun mereka tidak mempunyai pertalian kekeluargaan. Namun keadaan ini telah dimansuhkan dengan turunnya ayat 33 dari surah al-Nisa'.

Hadith ini Sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam sahihnya. Abu Dawud turut meriwayatkan hadith ini dalam sunannya. Sanad riwayat Abi Dawud bertemu dengan sanad al-Bukhari pada Abu Usamah daripada 'Idris daripada Talhat daripada Sa'id bin Jubayr daripada Ibn 'Abbas r.a. Al-Albani menilai sanad riwayat Abi Dawud ini sebagai sahih.⁸²

6. Mirath al-Mula'anah

"Bahawa seorang lelaki pada zaman Nabi SAW telah melaknat isterinya (yakni menuduh isterinya berzina) dan tidak mengaku anak itu sebagai anaknya. Maka Nabi SAW memisahkan mereka berdua dan memberi hak anak itu kepada si isteri."⁸³

Ibn al-Mula'anah iaitu anak yang lahir dari perkahwinan yang sah tetapi telah dinafikan oleh suami bahawa anak itu bukan dari hubungannya dengan isteri tersebut. Dalam erti kata lain, si suami menuduh isterinya curang dan melakukan hubungan dengan orang lain.⁸⁴

Nabi SAW telah memberi hak anak itu sepenuhnya kepada si ibu. Ini bermakna, anak itu tidak lagi mempunyai sebarang hubungan dengan bapanya secara *qat'i* dan pada hukum pusaka, anak ini akan hanya mewarisi dari sebelah ibunya sahaja dan begitu juga sebaliknya.⁸⁵

Para ulama sepakat bahawa ibu akan mewarisi sebanyak seperenam dan sekiranya ibu dianggap sebagai mengambil kedudukan bapa maka ibu akan menerima dua pertiga iaitu campuran bahagian ibu dan bapa⁸⁶. Hadith ini adalah sahih. Ia diriwayat oleh al-Bukhari dan Muslim dalam sahihnya. Abu Dawud dan Ibn Majah turut meriwayatkan hadith ini dalam sunan mereka. Al-Albani menilai sanad mereka sebagai sahih.⁸⁷

⁷⁸ Al-Nisa' : 33

⁷⁹ Ibid

⁸⁰ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* pada *Kitab al-Fara'id*, *bab Dhawi al-'Arham*, h.1288, No. 6747.

⁸¹ Dhawi al-'Arham menurut ulama' mirath bermaksud : setiap ahli keluarga terdekat yang tidak termasuk dalam senarai yang menerima pusaka secara *fard* mahupun secara *asabah*. Mereka akan mewarisi seluruh harta sekiranya mereka bersendirian. Mereka ialah waris yang dihubungkan dengan penghubung wanita iaitu bapa dan ibu saudara sebelah ibu, datuk sebelah ibu, anak lelaki dari anak perempuan, anak lelaki dari saudara perempuan, anak perempuan dari saudara lelaki, sepupu perempuan sebelah bapa, ibu saudara sebelah bapa, *al-'Am li al-Um* (bapa saudara kepada ibu), sepupu sebelah ibu. Lihat : Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli (2006) , *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Cet. 9, j. 10, h. 7850.

⁸² Abu Dawud, h. 520.

⁸³ al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* pada *Kitab al-Fara'id*, *bab Mirath al-Mula'anah*, h.1288, No. 6748.

⁸⁴ Al-Zuhayli (2006), *al-Fiqh al-Islami*, j. 10, h. 7905.

⁸⁵ Al-Azim Abadi (2001), *'Awn al-Ma'bud*, j. 5, h. 315.

⁸⁶ Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari*, j. 12, h. 38-39.

⁸⁷ Abu Dawud, h. 394. Lihat juga : Ibn Majah, h. 358.

7. Pusaka janin (anak dalam kandungan)

“Apabila anak yang baru dilahirkan itu menjerit, maka dia diberi – layak – bahagian dari harta pusaka.”⁸⁸

Hadith ini menyatakan tentang persoalan pewarisan anak dalam kandungan ibunya dan para ulama’ berbahagi pendapat dalam hal ini. Sufyan al-Thawri dan lain-lain menyatakan bahawa apabila mati seseorang itu dan meninggalkan pewaris yang masih di dalam kandungan, maka proses pembahagian pusaka itu tertangguh sehingga anak itu dilahirkan. Sekiranya anak itu dilahirkan dan masih hidup, maka anak itu akan mewarisi. Sekiranya anak itu dilahirkan dalam keadaan mati, maka dia tidak akan mewarisi. Adapun sekiranya anak itu dilahirkan dalam keadaan dia hidup dan kemudiannya dia mati, maka anak itu akan mewarisi sekiranya dia sempat untuk bernafas atau dengan menunjukkan tanda kehidupan seperti menangis, bersin atau bergerak dan sebagainya. Pendapat ini turut dipersetujui oleh al-Awza’i, al-Syafi’i dan sebahagian pengikut al-Hanafiyah⁸⁹. Pendapat yang lain menyatakan bahawa sekiranya anak itu lahir dan tidak pun menunjukkan tanda ‘istihlal yakni menaikkan suara, maka anak itu tidak akan mewarisi.

Semua *rijal* pada sanad hadith Abi Dawud yang diriwayatkan daripada Abi Hurayrat r.a. ini adalah *thiqah* kecuali pada perawi yang bernama Ibn Ishaq yang dicatatkan ada melakukan *tadlis*.⁹⁰ Al-Albani menyatakan hadith ini Sahih.⁹¹ Manakala hadith riwayat Ibn Majah daripada Jabir bin ‘Abd Allah r.a. turut dinilai sebagai Sahih.⁹²

8. Mirath al-Kalalah

“Dari al-Barra’ bin ‘Azib r.a katanya, ayat terakhir yang diturunkan ialah penutup surah al-Nisa’⁹³
{Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang kalalah). Katakanlah : “Allah memberi fatwa
kepadamu tentang kalalah”}⁹⁴

Hadith ini sahih. Ia diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim dalam sahihnya. Sanad hadith riwayat Muslim dan Abu Dawud bertemu dengan sanad riwayat al-Bukhari pada Abi Ishaq. Al-Albani turut menilai sanad riwayat Abi Dawud sebagai sahih.⁹⁵

Analisis Ke atas Takhrij Hadith Pusaka

Daripada 164 teks hadith yang terdapat di dalam *al-Sunan al-Sittah* yang telah ditemui dan disaring oleh pengkaji. Daripada jumlah ini, 114 teks hadith bertaraf sahih, 12 bertaraf *hasan* Sahih, 11 bertaraf *hasan*, 26 adalah *da’if* dan 1 teks adalah *mawdu’*. Dalam melalui kajian ini, pengkaji hanya memilih teks hadith yang bertaraf sahih, *hasan* sahih dan *hasan* sahaja iaitu sebanyak 48 teks hadith untuk ditakhrij dan dianalisis. Berdasarkan jumlah ini, 27 teks hadith dari Sahih *al-Bukhari*, 2 teks daripada Sahih Muslim, 7 teks bertaraf sahih, 3 bertaraf *hasan* sahih dan 3 bertaraf *hasan* daripada Sunan Abi Dawud, 2 teks bertaraf sahih dan 1 teks bertaraf *hasan* daripada Sunan al-Tirmidhi, 1 teks bertaraf sahih, 1 teks bertaraf *hasan* sahih dan 1 teks bertaraf *hasan* daripada Sunan Ibn Majah. Perbahasan huraian hadith (*syarh al-hadith*) tentang pusaka ini tidak selengkap perbahasan ilmu fiqh secara khusus, namun hadith merupakan pokok perbincangan dan dikembangkan perkara-perkara *furu’* dalam ilmu fiqh. Untuk memahami ilmu pusaka dengan lebih mendalam, selain menggunakan *syarh al-hadith*, seseorang itu perlu merujuk kepada kitab-kitab fiqh.

Jadual 1 : Pecahan hadith-hadith pusaka pada *Kitab al-Fara’id* dalam *al-Sunan al-Sittah*.

Bil.	Al-Sunan al-Sittah	Jumlah Hadith
1.	Sahih al-Bukhari	45

⁸⁸ Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, *Kitab al-Fara’id*, Bab fi al-Mawlid Yastahill Thumma Yamut, h.519, No.2920.

⁸⁹ Al-‘Azim Abadi (2001), ‘Awn al-Ma’bud, j. 5, h. 325.

⁹⁰ Al-Albani (1979), *Irwa’ al-Ghalil fi Takhrij ‘Ahadith Manar al-Sabil*, Cet. 1, j. 6, h. 147.

⁹¹ Abu Dawud, h. 519.

⁹² *Op. Cit*

⁹³ Al-Nisa’ : 176

⁹⁴ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab al-Fara’id*, Bab Yastaftunaka Qul lilLah Yufrikum fi al-Kalalah, h.1288, No. 6744.

⁹⁵ Abu Dawud, h. 513.

2.	SahihMuslim	17
3.	Sunan Abi Dawud	43
4.	Sunan al-Tirmidhi	26
5.	Sunan al-Nasa'i	0
6.	Sunan Ibn Majah	33
Jumlah		164

Jadual 2 : Taburan darjat Hadith-Hadith pusaka pada *Kitab al-Fara'id* dalam *al-Sunan al-Sittah*.

Bil.	Al-Sunan al-Sittah	Sahih	Hasan Sahih	Hasan	Da'if	Mawdu'	Jumlah
1.	Al-Bukhari	45	0	0	0	0	45
2.	Muslim	17	0	0	0	0	17
3.	Abu Dawud	22	7	3	11	0	43
4.	Al-Tirmidhi	14	1	3	8	0	26
5.	Al-Nasa'i	0	0	0	0	0	0
6.	Ibn Majah	16	4	5	7	1	33
Jumlah		114	12	11	26	1	164

Jadual 3 : Taburan darjat hadith-hadith pusaka dalam al-Sunan al-Sittah selepas saringan.

Bil.	Al-Sunan al-Sittah	Sahih	Hasan Sahih	Hasan	Jumlah
1.	Al-Bukhari	27	0	0	27
2.	Muslim	2	0	0	2
3.	Abu Dawud	7	3	3	13
4.	Al-Tirmidhi	2	0	1	3
5.	Al-Nasa'i	0	0	0	0
6.	Ibn Majah	1	1	1	3
Jumlah		39	4	5	48

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penyelidikan dan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap hadith-hadith pusaka di dalam *al-Sunan al-Sittah*, perbahasan huraian hadith (*syarh hadith*) tentang pusaka ini tidak selengkap perbahasan ilmu fiqh secara khusus, namun hadith merupakan pokok perbincangan dan dikembangkan perkara-perkara *furu'* dalam ilmu fiqh. Untuk memahami ilmu pusaka dengan lebih mendalam, selain menggunakan *syarh hadith*, seseorang itu perlu merujuk kepada kitab-kitab fiqh. Dapatkan yang diperolehi hasil daripada kajian ini bahawa terdapat teks-teks hadith yang berkaitan dengan pusaka yang dikemukakan pada Kitab al-Fara'id dalam *al-Sunan al-Sittah* iaitu 45 hadith daripada Sahih al-Bukhari, 17 hadith daripada Muslim, 43 hadith daripada Abu Dawud, 26 hadith daripada al-Tirmidhi dan 32 hadith daripada Ibn Majah. Daripada jumlah ini, sebanyak 114 hadith adalah *sahih* (69%), 12 hadith bertaraf *hasan sahibh* (7.3%), 11 hadith bertaraf *hasan* (6.7%), 26 hadith adalah *dhaif* (16%) dan 1 hadith adalah *mawdu'* (1.1%). Berdasarkan saringan yang telah dilakukan pengkaji terhadap jumlah hadith-hadith pusaka yang terdapat di dalam *al-Sunan al-Sittah*, pengkaji dapat menyenaraikan dan mentakhrij 48 teks hadith yang berkaitan dengan pusaka. Daripadapada jumlah tersebut, 39 hadith adalah *sahih*, 5 hadith bertaraf *hasan sahibh* dan 4 hadith bertaraf *hasan*. Pengkaji tidak memasukkan hadith *dhaif* dalam senarai ini.

RUJUKAN BAHASA ARAB

'Ahmad 'Abd al-Jawwad. (1998). *'Usul Ilm al-Mawarith : Qismat al-Tarikat bi al-Tariqat al-Hisabiyyat*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.

Abu Dawud, Sulayman bin Ash'ath al-Sajistani al-Azdi. (t.t.). *Sunan Abi Dawud, Tahqiq* : Muhammad Nasr al-Din al-Albani, Riyadh, Maktabah al-Ma'arif.

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Abu Zuhrat Muhammad 'Abidin. (1963). *'Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*, Kaherah : Dar al-Fikr al-'Arabi.

Al-'Asqalani, Abi al-Fadl 'Ahmad bin 'Ali bin Hajar Syihab al-Din. (1995). *Tahdhib al-Tahdhib*, Beirut : Mu'assasah al-Risalah.

Al-'Asqalani, Abi al-Fadl 'Ahmad bin 'Ali bin Hajar Syihab al-Din. (1995). *Talkhis al-Habir fi Takhrij 'Ahadith al-Raf'i al-Kabir*, Mu'assasah Qurtubah.

Al-'Asqalani, Abi al-Fadl 'Ahmad bin 'Ali bin Hajar Syihab al-Din. (2000). *Al-Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Riyad : Dar al-Salam, Damsyik : Dar al-Fayha'.

al-'Azim Abadi, Abi al-Tayyib Muhammad Syams al-Haqq. (2001). *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud, Ta'līqat* : al-Hafiz Syams al-Din Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Cet.1, Kaherah, Dar al-Hadith.

Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1979). *'Irwa' al-Ghalil fi Takhrij 'Ahadith Manar al-Sabil*, Cet. 1, al-Maktabah al-Islami.

Al-Bukhari, Imam Muhammad bin Isma'il. (1998). *Sahih al-Bukhari*, Riyadh : Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nasyr.

Al-Darimi, Abu Muhammad Abd Allah bin Abd al-Rahman bin al-Fadl bin Bahram. (2000). *Musnad al-Darimi*, Cet. 1, Saudi Arabi : Dar al-Mughni li al-Nasyr wa al-Tawzi'.

Al-Fardi, Abi Hakim Abd Allah bin Ibrahim al-Khabari. (t.t). *al-Talkhis fi 'Ilm al-Fara'id, Madinat al-Munawwarah* : Dar al-'Ulum wa al-Hikam.

Al-Jazari, Ibn al-'Athir, Majd al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad. (1972). *Jami' al-'Usul fi 'Ahadith al-Rasul*, Maktabat al-Hilwani.

Al-Malibari, Hamzah Abd Allah. (1998). *Kayf Nadrus Ilm al-Takhrij*, Cet. 1, Amman : Dar al-Razi.

Al-Maqdisi, Muhammad bin Tahir. (1984). *Syurut al-'A'imma al-Sittah*, cet. 1, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Mizzi, Jamal al-Din Abi al-Hajjaj Yusof. (1983). *Tahdhib al-Kamal fi 'Asma' al-Rijal*, Cet. 1, Beirut : Mu'assasat al-Risalah.

Al-Mubarakfuri, Al-Hafiz Abi al-'Ula Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. (2003). *Tuhfah al-'Ahwadhi bi Syarh Jami' al-Tirmidhi*, Cet.1, Beirut, Dar al-Fikr.

Al-Mufsyi, Muhammad Basyir. (1997). *al-Jami' al-Hadith fi 'Ilm al-Fara'id wa al-Mawarith*, Cet. 2, Damascus : Dar al-Majd.

Al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'ayb bin 'Ali. (t.t). *Sunan al-Nasa'i*, Tahqiq : Muhammad Nasr al-Din al-Albani, Riyad, Maktabah al-Ma'arif.

Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya bin Syarf. (1997). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi, Tahqiq wa Ta'līq* : Dr. Mustafa Dib al-Bugha, Cet.1, Damsyik, Dar al-'Ulum al-'Insaniyyah.

Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman. (2000). *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*, h. 14. Beirut : Dar al-Fikr.

Al-Suyuti, Jalal al-Din. (1994). *Tanwir al-Hawalik Syarh Muwatta' Malik*, Cet.1, Beirut : Dar al-Fikr.

Al-Syahrazuri, Abu 'Amru 'Uthman bin Abd al-Rahman. (2006). *'Ulum al-Hadith li Ibn Salah, Tahqiq wa Syarh* : Dr. Nur al-Din 'Itr, Cet. 12, Damascus : Dar al-Fikr.

Al-Tahhan, Mahmud. (1979). *'Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*, Beirut : Dar al-Quran al-Karim.

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah. (t.t). *Sunan al-Tirmidhi, Tahqiq* : Muhammad Nasr al-Din al-Albani, Cet. 1, Riyadh, Maktabah al-Ma'arif.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2006). *al-Fiqh al-Islami wa 'Adillatuh*, Damascus : Dar al-Fikr.

Ibn Majah, Al-Hafiz Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. (t.t). *Sunan Abi Dawud, Tahqiq* : Muhammad Nasr al-Din al-Albani, Cet. 1, Riyadh, Maktabah al-Ma'arif.

Ibn Manzur. (t.t., *Lisan al-'Arab*, Kaherah : Dar al-Ma'arif.

Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi. (2004). *Takhrij al-Hadith Nasyatuh wa Manhajiyatuh*, cet. 3, Selangor : Dar al-Syakir.

Muhammad bin Salih bin 'Uthaymin. (1983). *Tashil al-Fara'id*, Cet. 1, Riyadh : Dar Tayyibah.

Muhammad Lubayb (1995), *Jadwal al-Mawarith*, Cet. 1, Tanta : Dar al-Sahabah li al-Turath.

Muhammad Mahy al-Din 'Abd al-Majid. (1991). *'Ahkam al-Mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah 'ala Madhabib al-'A'imma al-'Arba'ah*, Beirut : al-Maktabah al-'Asriyyah.

Muslim, Imam Abu Husayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyayri al-Naysaburi. (1998). *Sahih Muslim*, Riyadh, Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nasir.

Nasr Farid Muhammad Wasil. (t.t.). *Fiqh al-Mawarith wa al-Wasiyyah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Kaherah : Maktabah al-Tawfiqiyyah.

Nur al-Din 'Itr. (1996). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, Damascus : Dar al-Fikr

Zaydan, 'Abd al-Karim. (2000). *al-Mufassal fi 'Ahkam al-Mar'ah wa Bayt al-Muslim fi al-Syari'ah al-'Islamiyyah*, Cet. 3, Beirut, Muassasat al-Risalah

RUJUKAN BAHASA MELAYU

Abdul Rashid Haji Abdul Latiff. (2005). *Undang-Undang Pusaka dalam Islam : Suatu Kajian Perbandingan*, Cet. 5, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.

Hussien Mahmood. (2008). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002., Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salleh Ismail Yusof al-Muti'ie. (2007). *Teknik Penyelesaian Pusaka*, Batu Caves : Pustaka Hj. Abdul Majid.

Wan Abd Halim Wan Harun. (2006). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.